

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN

Secara umumnya, setiap kajian yang dijalankan memerlukan reka bentuk yang tertentu yang boleh memberikan data yang sahih dan dikehendaki untuk menyelesaikan sesuatu masalah kajian. Jadi proses pengumpulan data merupakan satu proses yang amat penting. Tanpa sokongan data yang sahih, objektif kajian adalah sukar untuk dicapai. Jadi perancangan yang teliti dapat melancarkan proses untuk pengkaji mencari, mengumpul, mendapat serta menganalisis data dan maklumat kajian yang dikehendaki.

Dalam bab ini akan dibincangkan prosedur-prosedur mengumpul dan menganalisis data untuk melengkapkan kajian ini. Seperti mana yang dihuraikan di bahagian bab I dan bab II, kajian ini merupakan satu kajian kes yang dijalankan di Kelantan untuk melihat bagaimana fenomena percampuran kod berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena ini berlaku dengan begitu berleluasa. Untuk melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah kajian, iaitu kaedah pemerhatian berserta dan kaedah soal selidik.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif. Semua data yang diperolehi dianalisis dengan terang secara deskriptif. Selain itu, data yang diperolehi daripada soal selidik diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditetapkan dan ditafsirkan secara kuantitatif.

3.2 LOKASI KAJIAN

Seperti mana yang dikemukakan, topik kajian ini adalah berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Di sini, pengkaji akan membincangkan lokasi dan populasi negeri Kelantan. Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai keluasan lebih kurang 14,922 km² yang terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan, dan bersempadan dengan Thailand. Mengikut sumber data ujuran penduduk berasaskan bancian penduduk tahunan 2000 yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Negara, pada tahun 2010, Kelantan mempunyai seramai 1,687,000 orang penduduk, di mana kaum Melayu merupakan kaum majoriti, iaitu mencatat 92.5%, kemudian diikuti dengan kaum Cina 3.3%, kaum India 0.2% dan kaum lain-lain 1.0%. Berdasarkan bancian tersebut, 95% beragama Islam, diikuti dengan agama Buddha 4.4%, Kristian 0.2%, Hindu 0.2% dan lain-lain agama.

Pengkaji memilih Kota Bharu sebagai lokasi kajian. Kota Bharu merupakan ibu negeri Kelantan. Berasaskan sumber yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Negara (2010), keluasan Kota Bharu mencatat 394 km². Pada tahun 2010, jumlah penduduknya berjumlah 509,600 orang, di mana peratus penduduk mengikut etniknya ialah kaum Melayu 92.5%, kaum Cina 5.3%, kaum India 0.3% dan lain-lain 0.2%. Pengkaji memilih Kota Bharu sebagai lokasi kajian kerana hampir 50% penduduk kaum Cina di Kelantan menetap di Kota Bharu, iaitu seramai 27,100 orang. Dalam jadual 3.1 dan 3.2 di bawah, dapat kita lihat dengan jelas jumlah dan peratus penduduk yang menetap di Kelantan pada tahun 2010.

Jadual 3.1 Jumlah penduduk di Kelantan dan Kota Bharu pada tahun 2010

Penduduk mengikut Etnik dan Kawasan 2010		
	('000)	
Kumpulan Etnik	Kelantan	Kota Bharu
Jumlah	1.678.0	509.6
Warganegara	1.641.0	501.5
Bumiputera	1.566.4	471.8
Melayu	1.552.5	471.3
Bumiputera Lain	13.9	0.5
Cina	54.5	27.1
India	4.0	1.4
Lain-lain	16.1	1.3
Bukan Warganegara	37.0	8.1

(Sumber: Data ujuran penduduk berasaskan bancian penduduk 2000, Jabatan Perangkaan Malaysia Mac 2010)

Jadual 3.2 Peratus penduduk di Kelantan dan Kota Bharu pada tahun 2010

Peratusan Penduduk mengikut Etnik dan Kawasan 2010		
	(%)	
Kumpulan Etnik	Kelantan	Kota Bharu
Jumlah	100.0	100.0
Warganegara	97.8	98.4
Bumiputera	93.3	92.6
Melayu	92.5	92.5
Bumiputera Lain	0.8	0.1
Cina	3.3	5.3
India	0.2	0.3
Lain-lain	1.0	0.2
Bukan Warganegara	2.2	1.6

(Sumber: Data ujuran penduduk berasaskan bancian penduduk 2000 , Jabatan Perangkaan Malaysia Mac 2010)

Data dalam jadual 3.1 dan 3.2 adalah data terkini yang pengkaji perolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Mac 2010 (rujuk Lampiran D). Disebabkan

bancian penduduk di Malaysia hanya dilakukan 10 tahun sekali, jadi pengkaji hanya memperolehi data ujuran penduduk berasaskan bancian penduduk 2000. Jadi, berdasarkan dapatan kajian bancian tersebut, boleh juga dirumuskan bahawa kaum Cina di Kelantan merupakan kaum minoriti kerana populasi di Kelantan didominasi oleh kaum Melayu. Disebabkan bilangan pengguna bahasa Mandarin adalah kurang jika dibandingkan dengan bahasa Melayu dan Inggeris, bahasa Mandarin boleh digolongkan sebagai bahasa minoriti di Kelantan.

Seperti dengan kaum Cina di Malaysia, majoriti kaum Cina di Kelantan adalah golongan bermultilingual, kebanyakan daripada mereka boleh bertutur dalam berbilang bahasa, terutamanya dialek Kelantan, dialek Hokkien, bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan sebagainya. Faktor kebolehan bermultilingual ini merupakan faktor utama yang membawa kepada terdapatnya fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

3.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Responden yang dipilih oleh pengkaji ialah golongan belia kaum Cina di Kelantan. Menurut Sh. Mohd Saiffudden (2001), golongan belia secara takrifnya adalah golongan muda yang berumur antara 15 hingga 40 tahun.

Bagi kaedah pemerhatian berserta, persampelan responden yang dipilih adalah 15 orang golongan belia berketurunan Cina yang berlingkungan dalam umur 15-22 yang tinggal di sekitar perumahan Tanjung Chat, Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji memilih golongan belia sebagai responden dalam kajian ini kerana mengikut tinjauan penutur,

dalam perbualan golongan belia Cina Kelantan sekarang kerap dicampurkan dengan kod-kod yang mewujudkan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

Pengkaji memilih golongan belia di sekitar Tanjung Chat Kota Bharu disebabkan kawasan tersebut merupakan kawasan perumahan kaum Cina yang utama di Kota Bharu, Kelantan. Pengkaji menjalankan pemerhatian berserta selama lima hari. Sebanyak lapan perbualan telah dicatatkan ketika golongan belia tersebut menjalankan perbualan. Disebabkan responden ialah bekas pelajar lama pengkaji, jadi mereka sudi memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada pengkaji apabila diberitahu pengkaji memerlukan data kajian daripada mereka. Pada tahap ini, pengkaji tidak membahagikan golongan belia tersebut kepada kategori umur, gender dan latar belakang keluarga. Namun, responden yang dipilih semestinya terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan bahasa Cina sekurang-kurangnya tahap sekolah rendah. Apa yang ditekankan di sini ialah semua responden merupakan generasi muda kaum Cina bandar yang pernah menerima pendidikan sekolah Cina, dan bukannya golongan Cina peranakan.

Sehubungan itu, untuk mendapat maklumat tentang fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan dengan lebih menyeluruh lagi, pengkaji juga mereka bentuk soal selidik. Untuk melengkapkan kaedah soal selidik ini, pengkaji memilih 10 orang responden yang telah menyertai pemerhatian berserta, dan 50 orang responden lain yang tidak menyertai pemerhatian berserta. 60 orang responden tersebut terdiri daripada kaum Cina, yang berumur dalam lingkungan 15-30 tahun, di mana 30 responden lelaki dan 30 responden perempuan yang dipilih secara rawak. Seperti batasan pemilihan sampel yang disebut dalam bahagian pemerhatian berserta, semua responden yang dipilih untuk menjawab soal selidik sekurang-kurangnya menerima pendidikan sekolah Cina semasa

sekolah rendah. Begitu juga dengan syarat pemilihan sampel kajian yang memilih mereka yang bergolongan Cina bandar, dan bukannya Cina peranakan.

Selain itu, pengkaji juga memilih 10 orang responden untuk ditemuramah dan dijadikan kajian rintis untuk meninjau kesahan kajian fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Untuk meninjau fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan dengan lebih menyeluruh, 10 orang responden yang dipilih oleh pengkaji dibahagikan kepada dua kategori, di mana 5 orang daripada responden yang dipilih merupakan golongan profesion yang memegang jawatan doktor, pensyarah, pengetua, peguam dan cikgu. Kelima-lima orang responden yang berprofesion tinggi ini sekurang-kurangnya menerima pendidikan tahap ijazah dasar. Manakala 5 orang lagi responden yang dipilih adalah mereka yang terdiri daripada golongan peniaga, suri rumah dan juga pelajar. Tujuan temuramah ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang pandangan dan pendapat masyarakat tempatan berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Selain ditemurahkan, 10 orang responden tersebut juga melengkapkan soal selidik yang direkabentuk.

3.4 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis merupakan kajian kecil-kecilan yang dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan.(Chua, 2006). Tujuan kajian rintis ini dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang dipilih oleh pengkaji.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual semasa kajian rintis dijalankan untuk menguji kesahan fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Fontana, Andrea & Frey, James H. (1994) dan Merriem (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual, iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Menurut Patton (1980), temu bual ialah salah satu cara kita dapat mendekati responden dan memahami apa yang sebenarnya dialami dan difikirkan oleh mereka. Dalam usaha memperkukuh dan memperlengkapkan data, temu bual telah dijalankan bersama dengan 10 responden. 10 orang responden tersebut adalah mereka yang menjadi responden pengkaji dalam kaedah pemerhatian berserta dan juga menjawab soal selidik. Pemilihan responden dibuat secara persampelan “*purposive*” seperti yang disaran dalam kajian Bogdan dan Biklen (2003) dan Merriam (1998).

Dalam temuramah yang dijalankan ke atas kajian rintis, pengkaji berjaya mengumpul data yang kukuh berkenaan dengan fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin Kelantan dan ini telah mendorong pengkaji untuk memilih topik ini sebagai topik kajian kajian ini. Pengkaji cuba memerhatikan corak dan penggunaan kod yang berbeza ketika responden berkomunikasi dengan pengkaji semasa temu bual dijalankan.

Menurut dapatan kajian daripada temu bual dalam kajian rintis yang dijalankan, semua responden berpendapat bahawa fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan adalah terlalu meluas dan terlalu kerap digunakan. Semua responden juga berpendapat fenomena ini patut dikawal dan dikurangkan, nampaknya sudah wujudnya kesedaran kaum Cina terhadap fenomena ini. Apabila ditanya sebab, kebanyakan responden menyatakan bahawa jikalau fenomena ini dibiarkan begitu sahaja, bahasa Mandarin di

Kelantan akan mengalami perubahan bahasa, ia tidak lagi akan menjadi bahasa Mandarin, kerana penutur bahasa Mandarin standard tidak dapat memahaminya. Ada juga responden yang berpendapat, jikalau fenomena ini dipinggirkan begitu sahaja, kaum Cina di Kelantan akan dipandang rendah oleh orang lain, ini kerana bahasa Mandarin di Kelantan dianggap terlalu “kampung” apabila dicampuradukkan dengan pelbagai kod lain. Selain itu, ada juga penutur yang berpendapat bahawa jikalau percampuran kod digunakan tidak kerap dalam bahasa Mandarin, ia boleh memainkan banyak fungsi yang boleh melicinkan proses komunikasi seperti dapat melembutkan ujaran dan merapatkan hubungan solidariti. Namun, jikalau penggunaan percampuran kod ini terlalu kerap, ia akan menjejaskan kejituan bahasa Mandarin standard. Oleh itu, penggunaan percampuran kod mestilah dikurangkan agar bahasa Mandarin di Kelantan tidak akan berubah rupa menjadi “bahasa rojak kampung”.

Daripada dapatan temu bual dalam kajian rintis, pengkaji mendapati bahawa semua responden berpendapat bahawa faktor utama yang mempengaruhi fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan adalah faktor penguasaan bahasa Mandarin yang lemah oleh kaum Cina di Kelantan. Oleh itu, langkah-langkah yang wajar sepatut diambil oleh pelbagai lapisan kaum Cina di Kelantan untuk mengatasi masalah ini, termasuklah pihak ibu bapa, pihak sekolah, pihak masyarakat dan pihak pengguna bahasa itu sendiri.

3.5 KAEDAH KAJIAN

Bogdan dan Biklen (2003) telah pun menjelaskan kaedah kajian yang dipilih haruslah bersesuaian dengan persoalan kajian. Dalam kajian ini, persoalan yang dikaji ialah untuk melihat fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan faktor

yang mempengaruhinya. Kajian ini juga bertujuan untuk mendapat maklumat tentang fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan serta faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena tersebut secara mendalam, maka kaedah yang paling sesuai ialah kaedah penerokaan atau deskriptif (Mohd Majid Konting, 1990). Bersesuaian dengan saranan Bogdan dan Biklen (2003) dan Patton (1990), kaedah kajian yang telah digunakan dalam kajian kes ini ialah melalui pemerhatian berserta dan kaedah soal selidik.

3.5.1 Kaedah Pemerhatian Berserta

Pemerhatian adalah salah satu kaedah yang sesuai digunakan untuk memahami dengan lebih jelas bagaimana sesuatu proses berlaku (Marshall dan Rossman, 1989, Jorgensen, 1989). Oleh itu, pengkaji telah membuat keputusan untuk menggunakan kaedah pemerhatian berserta untuk melengkapkan kajian ini. Pemerhatian berserta ini dipilih kerana pengkaji hendak mendapatkan maklumat-maklumat terpilih serta berkaitan rapat untuk melakukan kajian ini dengan lebih mendalam. Selain itu, kaedah ini juga mendorong kepada kejayaan pengkaji dalam proses mendapatkan data-data dan maklumat yang lebih telus dan kukuh. Hal ini kerana proses pemerhatian berserta yang dilakukan telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk memerhati, mendengar dan mengalami suasana yang sebenar yang berlaku dalam komunikasi responden. Dengan kaedah ini pengkaji berjaya memperoleh gambaran sebenar yang menyeluruh dan mendalam tentang fenomena percampuran kod yang berlaku dalam komunikasi bahasa Mandarin golongan belia berketurunan Cina di Kelantan.

Sebelum memulakan kaedah pemerhatian berserta, pengkaji membuat beberapa persediaan awal, iaitu termasuk: (i) mengenal pasti sejauh mana keperluan pemerhatian dalam kajian ini, (ii) memastikan lokasi dan subjek pemerhatian, (iii) persiapan instrumen pemerhatian, (iv) pemilihan kaedah pemerhatian terbaik, dan (v) menjangka kelemahan dan keburukan pemerhatian. Selepas adanya persediaan awal, pengkaji berpendapat dengan hanya menggunakan kaedah pemerhatian berserta, barulah pengkaji dapat mengumpul data-data perbualan mereka yang sah dan semulajadi. Jadi, pengkaji cuba menggunakan bantuan “jambatan” , iaitu mencari ketua bagi persampelan kajian kali ini. Akhirnya, pengkaji berjaya mendapatkan bantuan daripada bekas pelajar pengkaji dulu. Disebabkan adanya hubungan pergaulan yang rapat, mereka mengizinkan pengkaji bergaul dengan mereka. Selama lima hari berturut-turut pemerhatian berserta dijalankan, setiap hari lebih kurang dua jam. Dalam proses menjalankan pemerhatian berserta, pengkaji tidak menetapkan topik perbualan untuk mereka kerana jikalau topik perbualan ditetapkan, data yang dikumpul tidak lagi bersifat semula jadi. Jadi, semasa mereka berkomunikasi di antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa Mandarin, pengkaji merekod dengan alat perakam suara dan mencatat perbualan tersebut selepas mendapat keizinan dan persetujuan daripada responden.

Dalam pemerhatian berserta ini, subjek yang dipilih merupakan 15 orang golongan belia berbangsa Cina yang berlingkungan umur 15-22 tahun, pengkaji membahagikan mereka kepada tiga orang sekumpulan dan pemerhatian dijalankan selama sehari untuk satu kumpulan. Topik perbualan adalah bebas. Dalam kajian ini, pengkaji bertindak sebagai pemerhati atau peserta seperti mana dinyatakan oleh Spradley (1980), semua pengkaji yang menggunakan pemerhatian peserta dalam kajian mempunyai dua tujuan, (a) melibatkan diri

dalam aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan situasi, (b) memerhati aktiviti-aktiviti yang sedang berlaku dengan aspek-aspek berkenaan.

Dengan adanya kerjasama dan bantuan daripada responden ketika proses pemerhatian dijalankan, pengkaji berjaya mengumpulkan banyak data bahasa Mandarin yang dipertuturkan oleh kaum Cina di Kelantan yang mengalami fenomena percampuran kod.

3.5.2 Kaedah Soal Selidik

Menurut Poh (2000), soal selidik merupakan kaedah pengumpulan maklumat yang paling mudah dan murah ditadbirkan. Justeru itu, borang soal selidik telah disediakan dan diedarkan kepada kaum Cina di Kelantan. Matlamat soal selidik ini dijalankan adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena tersebut.

Kaedah soal selidik ini juga digunakan kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh manakah kaum Cina di Kelantan mengambil berat tentang isu percampuran kod yang sangat kerap digunakan oleh masyarakat Cina di Kelantan.

Borang soal selidik ini yang pengkaji sediakan mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A yang mempersoalkan tentang latar belakang responden dan bahagian B pula mempersoalkan mengenai penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan yang telah ditunjukkan di lampiran B. Kesemua soalan dalam kedua-dua bahagian

borang soal selidik ini dibina atas tujuan menjawab soalan kajian yang dihuraikan sebelum ini.

3.5.2.1 Latar belakang responden

Dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan borang soal selidik ini kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Dapat kita lihat dalam borang soal selidik yang disediakan, bahagian A merangkumi maklumat tentang latar belakang peribadi responden. Antara pembolehubah-pembolehubah yang telah dikemukakan dalam soal selidik ini adalah seperti jantina, umur, tahap pendidikan, serta tempoh menetap di Kelantan. Pengkaji ingin melihat sejauh manakah fenomena percampuran kod ini mempengaruhi kaum Cina di Kelantan pada masa ini. Borang soal selidik ini terdiri daripada empat soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden yang bermastautin di negeri Kelantan. Responden telah diberikan kebebasan dan hak masing-masing dalam memberikan jawapan berdasarkan pemahaman dan pemikiran mereka sendiri.

Dalam bahagian A, bentuk soalan adalah umum dan tidak spesifikasi kepada permasalahan kajian ini. Semua soalan dalam bahagian A adalah berkenaan dengan maklumat peribadi responden-responden yang tidak memerlukan masa yang lama untuk menentukan jawapannya sendiri dan tidak mengelirukan responden.

Secara amnya, bahagian A merangkumi latar belakang responden yang menetap di negeri Kelantan. Antara soalan-soalan dikemukakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

- a) jantina
- b) umur
- c) tahap pendidikan
- d) tempoh menetap di Kelantan

3.5.2.2 Penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan

Dalam bahagian B dalam soal selidik pula, soalan merangkumi penggunaan percampuran kod dalam bahasa Mandarin di kalangan kaum Cina di Kelantan akan dipaparkan. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah merujuk kepada penggunaan percampuran kod yang hangat diperkatakan pada abad ini. Masalah ini timbul kerana wujudnya masyarakat majmuk di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum. Di Kelantan, majoriti penduduk terdiri oleh kaum Melayu manakala kaum Cina adalah antara minoriti penduduk yang menetap di Kelantan. Oleh sebab itu, kebanyakan adat istiadat dan kehidupan mereka termasuk penggunaan bahasa banyak dipengaruhi oleh corak hidup orang Melayu.

Data-data kajian ini boleh diperolehi dengan menyediakan borang soal selidik yang mengandungi tujuh soalan berkaitan dengan fenomena permasalahan percampuran kod di kalangan kaum Cina di Kelantan. Soalan kajian adalah berbentuk objektif di mana responden-responden hanya perlu memilih salah satu daripadanya sebagai jawapan. Sekiranya ada di kalangan responden memilih dua jawapan ia akan dianggap tidak sah dan kelayakannya sebagai responden akan digugurkan. Hal ini kerana pengkaji tidak dapat membuat analisis kerana terdapat pertindihan jawapan dalam satu soalan. Misalnya:

1. *Adakah anda menggunakan percampuran kod semasa berinteraksi dalam bahasa Mandarin?*

O;A *Kerap*

O;B *Kadang kala*

C *Jarang*

Contoh di atas menunjukkan responden memberikan dua pilihan jawapan. Oleh hal demikian, kelayakan sebagai responden akan digugurkan.

Soalan pertama dalam bahagian B, pengkaji mempersoalkan tentang elemen-elemen percampuran kod yang digunakan oleh responden ataupun tidak semasa bertutur dalam bahasa Mandarin. Seterusnya, pengkaji cuba meninjau responden-responden dengan soalan berkenaan apakah kod percampuran yang selalu digunakan. Dari aspek ini kita dapat lihat pengkaji sedang menfokuskan soalan-soalan yang menuju kepada matlamatnya tentang fenomena percampuran kod ini.

Pengkaji turut mengupas tentang faktor-faktor yang menyebabkan fenomena percampuran kod yang digunakan secara meluas dalam bahasa Mandarin di Kelantan dalam soalan ketiga dalam borang soal selidik.

Sebanyak 80 soal selidik yang telah pun pengkaji edarkan kepada golongan belia kaum Cina di Kelantan yang berlingkungan umur 15-30 tahun. Namun disebabkan adanya 20 soal selidik yang tidak menjawab soal selidik dengan lengkapnya, jadi pengkaji membuat keputusan hanya memilih 60 sampel soal selidik untuk dianalisiskan, di mana 30 soal selidik yang dijawab oleh responden lelaki dan 30 soal selidik yang dijawab oleh responden perempuan. Soal selidik tersebut adalah dipilih secara rawak.

3.6 PROSEDUR

Kajian ini bertujuan untuk melihat fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Jadi, di sini pengkaji akan membincang prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.

3.6.1 Pengumpulan data

Responden yang dipilih untuk kajian ini ialah 15 orang belia berketurunan Cina di Kelantan. Pengkaji melakukan pemerhatian bersama mereka selama lima hari dan memerhatikan serta mencatat gaya bahasa pertuturan mereka. Dengan keizinan responden, pengkaji merakam dan mencatatkan perbualan mereka. Perbualan yang dirakamkan telah pun ditranskripsikan. Pengkaji tidak mentranskrip kesemua perbualan penutur- penutur yang menyertai pemerhatian berserta kerana berlakunya beberapa situasi yang tidak diingini. Salah satu situasi yang tidak diingini yang berlaku ialah gangguan suara yang menyebabkan pengkaji tidak berjaya mendengar dengan jelas apa yang dituturkan oleh mereka. Di samping itu, pengkaji juga tidak mentranskripsikan perbualan penutur yang berlakunya pengalihan bahasa di mana mereka terus menggunakan bahasa yang bukannya bahasa Mandarin ketika komunikasi dijalankan. Disebabkan topik utama dalam kajian ini adalah mengenai fenomena percampuran kod yang berlaku dalam bahasa Mandarin Kelantan, jadi pengkaji membuat keputusan mentranskrip ujaran-ujaran bahasa Mandarin yang mengalami percampuran kod. Perbualan yang ditranskripsikan telah pun dilampirkan di bahagian Lampiran A. Dalam transkripsi yang ditranskripsikan, disebabkan tiadanya kamus dialek Kelantan yang diterbitkan di pasaran, pengkaji mentranskrip dialek Kelantan tersebut dengan merujuk kepada kajian lepas yang dilakukan oleh Adi Yasran Bin Abdul Aziz dalam kajiannya yang bertajuk “Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori

Optimaliti”. Berkenaan dialek Hokkien, transkripsi kod Hokkien ditranskripsikan dengan berpandukan kamus dialek Hokkien dalam internet, iaitu laman yang bernama *Online Taiwanese Hokkien Dictionary* . (<http://iug.csie.daha...chil/Taihoa.asp>)

Kemudiannya, untuk mengumpulkan data yang lebih menyeluruh, kaedah yang digunakan ialah kaedah soal selidik. Kaedah ini dilakukan untuk mengumpulkan data-data berkenaan dengan faktor-faktor yang menyebabkan perebakan fenomena percampuran kod dalam bahasa Mandarin di Kelantan.

3.6.2 Analisis data

Untuk menganalisis data, terlebih dahulu pengkaji akan mentranskripsikan perbualan yang telah dirakamkan. Setelah mentranskripsi data tersebut, data tersebut akan dianalisis mengikut pembolehubah kod yang berlainan. Ini bertujuan untuk melihat kod dalam bahasa apakah yang kerap dicampurkan ke dalam bahasa Mandarin di Kelantan. Frekuensi kod yang berlainan akan dikira untuk melihat kod apakah yang paling kerap dicampurkan ke dalam interaksi kaum Cina di Kelantan. Seterusnya, data yang mengalami percampuran kod itu akan dikategorikan dengan pembahagian golongan kata. Ini bertujuan untuk melihat biasanya dalam golongan kata apakah yang paling kerap mengalami fenomena percampuran kod, sama ada kata nama, kata kerja, kata tugas dan lain-lain lagi. Akhir sekali, data berkenaan dengan faktor percampuran kod akan dibincangkan berdasarkan data yang dikumpulkan daripada soal selidik yang dijawab oleh responden. Bagi bahagian soal selidik, pengkaji menggunakan perisian excel sahaja untuk membuat penghitungan.